

Headline	Spesies Resak baharu dunia di hutan Perak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,5	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	941 cm ²
Journalist	Balqis Jazimah Zahari	AdValue	RM 32,313
Frequency	Daily	PR Value	RM 96,939



Spesies Resak baharu dunia di hutan Perak

» *Penemuan tunggal di Hutan Simpan Kledang Saiong lakar sejarah dunia*

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

► **Ipoh**

Penemuan spesies baharu pokok hutan yang dinamakan Resak abdulrahman atau nama saintifiknya *Vatica abdulrahmaniana* melakar sejarah apabila menjadi satu-satunya spesies unik dunia yang hanya terdapat di Hutan Simpan Kledang Saiong, Kinta, Perak.

Spesies istimewa itu ditemui oleh kumpulan pakar penyelidik yang menjalankan kerja peman-tauan jangka panjang spesies ter-ancam di Semenanjung, diken-dalikan Institut Penyelidikan Per-hutanan Malaysia (FRIM) di kawasan hutan simpan berkenaa-pada tahun 2009.

ia diberi nama Resak abdul-rahman sempena nama Ketua Pen-garah Perhutanan, Datuk Seri Dr Abd Rahman Abd Rahim.

Mempunyai ketinggian sehing-ga 20 meter (m), ia adalah spesies endemik bagi Semenanjung yang mana setakat ini hanya ditemui di kawasan Bukit Kledang Saiong.

Urut daun menonjol

Resak abdulrahman berbeza da-ripada spesies lain, kerana mem-

punyai urat daun menonjol dan kuntuman bunga yang berbunga secara bermusim, manakala pu-cuk muda terhasil daripada spe-sies pokok hutan itu mempunyai ciri-ciri seperti berbulu warna coklat keemasan yang akan jelas kelihatan pada pada daun urat daun.

Ia dikesan tumbuh di kawasan bukit lebih daripada 30 darjah kecerunan pada 720 meter dari paras laut di hutan simpan itu.

Abd Rahman berkata, spesies pokok hutan yang bernilai tinggi itu mengambil masa lama untuk diteliti dan dikaji secara men-dalam oleh pakar sebelum di-sahkan sebagai spesies unik du-nia.

“Spesies baharu ini perlu men-jalani kajian dalam jangka masa yang agak lama kerana kita me-lakukan rujukan kepada pelba-gai pakar taksonomi, kajian me-lalui institut pengajian tinggi serta membabitkan rujukan ke-pada pakar di England.

“Selepas kajian demi kajian, ak-hirnya disahkan bahawa spesies ini hanya ada satu-satunya ter-dapat di dunia iaitu di Hutan Simpan Kledang Saiong dan di-

sahkan tahun lalu,” katanya.

Beliau bercakap kepada *BH* ke-tika ditemui selepas merasmikan Majlis Penutup Latihan Teknikal Perhutanan (LTP) dan Penyam-paian Sijil Kokurikulum kepada 100 Pelatih Kursus Sijil Perhuta-nan Renjer Hutan dan Sijil Per-hutanan Pengawas Hutan Sesi 2014 hingga 2016 di Institut La-tihan Perhutanan (FORTRAIN) Hutan Lipur Ulu Licin, Beruas dekat sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Timbalan Ke-tua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan), Datuk Nor Akhiruddin Mahmud; Timbalan Pengarah (Pembangunan) Jaba-tan Perhutanan Perak, Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin; Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid dan Pengetua FORTRAIN, Zainal Jain.

Pamer di Galeria Perhutanan

Abdul Rahman berkata, spesies itu nanti akan dipamerkan di da-lam Galeria Perhutanan di Kuala Lumpur sekali gus menjadi satu-satunya galeri perhutanan yang menyimpan spesies dunia.

Beliau berkata, negara ini ber-

Headline	Spesis Resak baharu dunia di hutan Perak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,5	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	941 cm ²
Journalist	Balqis Jazimah Zahari	AdValue	RM 32,313
Frequency	Daily	PR Value	RM 96,939

buah mempunyai hutan tropika berbanding dengan hutan lain kerana mempunyai pelbagai spesies tersimpan yang boleh diteroka.

“Gedung hutan tropika yang luas ini banyak lagi kita hendak terokai, bertitik tolak daripada penemuan ini (Resak abdulrahman), bermakna banyak lagi spesies dalam hutan simpan yang perlu kita teroka daripada semasa ke semasa,” katanya.

Sementara itu, penyelidik FRIM, Dr Lilian Chua Swee Lian turut mengesahkan keputusan hasil kajian.

“Semenanjung mempunyai 23 spesies Resak dan kajian mendapati spesies Resak abdulrahman diketahui wujud sebagai *Vatica sp A* seawal tahun 1931, tetapi tidak cukup bahan berbunga atau berbuah untuk menamakannya sebagai spesies,” katanya.

Headline	Spesis Resak baharu dunia di hutan Perak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,5	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	941 cm ²
Journalist	Balqis Jazimah Zahari	AdValue	RM 32,313
Frequency	Daily	PR Value	RM 96,939

INFO

Lokasi pokok Resak abdulrahman di Hutan Simpan Kledang Saiong



Spesis Resak abdulrahman yang ditemui di Hutan Simpan Kledang Saiong, Kinta.

Headline	Spesis Resak baharu dunia di hutan Perak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,5	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	941 cm ²
Journalist	Balqis Jazimah Zahari	AdValue	RM 32,313
Frequency	Daily	PR Value	RM 96,939



Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan), Datuk Nor Akhiruddin Mahmud ketika **membuat lawatan ke lokasi menunjukkan Resak abdulrahman atau Vatica abdulrahmaniana** di Hutan Simpan Keledang Sayong.
[FOTO BALQIS JAZIMAH ZAHARI/BH]



Abd Rahman Abd Rahim

Headline	Spesis Resak baharu dunia di hutan Perak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,5	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	941 cm ²
Journalist	Balqis Jazimah Zahari	AdValue	RM 32,313
Frequency	Daily	PR Value	RM 96,939

**SPESIES
RESAK
TERBAHARU
DUNIA DITEMUI
DI KINTA,
PERAK**

NASIONAL 5

Spesies baharu dinamakan **Resak abdurahman** iaitu pertama di dunia ditemui di Hutan Simpan Kledang Saiong, Kinta Perak. (Gambar kecil) Pegawai perhutanan menunjukkan daun spesies resak unik itu.